

Peran Majelis Sulh dalam Penyelesaian Hak Hadhanah Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia)

by Tarmizi M. Jakfar

Submission date: 19-Oct-2022 02:16PM (UTC+0700)

Submission ID: 1929472874

File name: nal_Peran_Majelis_Sulh_dalam_Penyelesaian_Hak_Hadhanah_Pasca.pdf (334.52K)

Word count: 5850

Character count: 37383

Peran Majelis *Sulh* dalam Penyelesaian Hak *Hadhanah* Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia)

Tarmizi M.Jakfar

Nur Azizah Fayyadhah Binti Baharuddin

Fakultas Syari'ah dan Hukum UIN Ar-Raniry

Email: tarmizi.mjakfar@ar-raniry.ac.id

Abstrak

Pengamalan *Sulh* di dalam Islam telah berlaku pada zaman awal kedatangan Islam hingga ke zaman para sahabat dan juga para *tabi'in* lagi yang mana telah memberikan banyak manfaat dan faedah kepada perkembangan masyarakat⁴ mat Islam pada masa itu. Artikel ini fokus pada kajian peran majelis *sulh* dalam penyelesaian hak *hadhanah* pasca perceraian studi kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia. Penelitian ini merupakan riset lapangan dengan menggunakan pendekatan yuridis normatif. Hasil penelitian menunjukkan bahwa Majelis *Sulh* membantu dan membimbing pihak-pihak berkonflik untuk berbincang, berunding dan mencari persetujuan bersama untuk mencapai penyelesaian, majelis *Sulh* di Mahkamah Syari'ah ternyata sangat efektif dalam penyelesaian kasus hak *hadhanah* berdasarkan statistik yang dicatatkan dari tahun 2011 – 2015, majelis *Sulh* menetapkan tujuh teknik yang wajib diikuti dalam pelaksanaan *Sulh*, ternyata teknik ini berjaya menyelesaikan kasus yang di daftarkan, masyarakat masih kurang informasi tentang Majelis *Sulh*. Melalui penyebaran angket dan wawancara, mayarotis masyarakat tidak tahu tentang Majelis *Sulh*.

Kata Kunci: Peran, Majelis *Sulh*, hak *hadhanah*, Perceraian

Pendahuluan

Sulh merupakan satu konsep perdamaian dalam Islam dan mempunyai beberapa pengertian. Pada dasarnya *Sulh* ini dapat dikelompokkan kepada dua pengertian yaitu berdasarkan hukum syara' dan undang-undang. Dari segi terminologi *Sulh* berarti putus pertengkaran atau persengketan³ yang membawa arti perdamaian. *Sulh* secara etimologi berarti suatu perjanjian yang dimaterai bagi menyelesaikan persengketaan di antara pihak-pihak yang beragama Islam.

Sulh berasal dari bahasa Arab *al-sulh* dan merupakan kata benda *al-ism* yang berasal dari kata kerja (*fi'i*) secara harfiah berarti *al-tasaluh wa al-musalalah*, yang merupakan rekonsiliasi setelah perselisihan. *Ar-Raghib al-Afsihani* menyatakan bahwa *Sulh* dikhkususkan untuk tujuan membangun perselisihan antar manusia. Perdamaian *Sulh* juga dikenal sebagai kontrak untuk realisasi kesepakatan dan perselisihan.¹ *Sulh* menurut Islam juga bisa didefinisikan dalam dua istilah, baik dari segi bahasa maupun dalam istilah. Ada berbagai definisi yang diberikan oleh para ilmuwan *Sulh* ini. Tapi secara umum itu mengusung tujuan yang sama.

Nora Abdul Hak dalam tulisannya mencatat bahwa *Sulh* dalam hal bahasa berarti mengakhiri perselisihan dan membangun perdamaian. Beberapa juga menunjukkan bahwa makna *Sulh* dalam bahasa adalah pecahnya pertengkaran dimana kata tersebut diambil dari bahasa Arab². Menurut buku *Sulh* dalam keluarga Islam, *Sulh* dari sudut bahasa didefinisikan sebagai kata Arab *Al-Sulh* dan merupakan kata benda yang berasal dari verbal yang secara harfiah berarti *al-tasaluh wa al-musalalah* yaitu rekonsiliasi timbal balik setelah perselisihan.³

Terdapat pelbagai pendapat mengenai definisi *Sulh* dari sudut istilah yang diberikan oleh para ulama feqah. *Ibn al-Hummam* dan *al-Kasani* mentakrifkan *Sulh* ini sebagai suatu akad yang mengangkat pertikaian manakala di dalam *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, *Nazzam* dan *QadriBasha* menyatakan bahwa *Sulh* adalah akad untuk menamatkan pertikaian secara sukarela atau saling redha-meredhai.

Menurut para fuqaha mazhab pula, bagi mazhab Syafii telah mentakrifkan *Sulh* ini sebagai akad yang menyelesaikan pertikaian manakala fuqaha di kalangan mazhab Hanbali pula mentakrifkan *Sulh* ini sebagai akad yang membawa kepada persetujuan bersama antara dua pihak yang bertikai atau akad yang membawa kepada pendamaian antara dua pihak yang bertikai. Jika dilihat kepada takrifan ini, para ulama feqah

¹ Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fiqh Mazhab Syafie*, Jilid 6, hlm. 1419.

² Suzana Ghazali, *Buatmu Wanita: Sebagai Anak Isteri- Ketahui Hakmu*, Buku Prima Sdn.Bhd. Selangor Darul Ehsan. 2009, hlm. 296.

³ Raihanah Azahari, *Sulh Dalam Kes Kekeluargaan Islam*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 32.

mentakrifkan *Sulh* dalam makna yang hampir sama namun berbeza pula bagi fuqaha di kalangan mazhab Maliki yang menyatakan bahawa *Sulh* ini, selain daripada akad yang menamatkan pertikaian yang telah berlaku atau sedang berlaku ianya juga merupakan akad yang menamatkan pertikaian yang mungkin berlaku.⁴

***Sulh* Di Dalam Perundangan Islam Di Malaysia**

Perlaksanaan *Sulh* di dalam undang-undang di Malaysia adalah berdasarkan undang-undang syariah setiap negeri masing-masing yang mana perlaksanaannya adalah dalam bentuk satu majlis dan dikenali sebagai Majlis *Sulh*. Setiap negeri menggunakan pelaksanaan yang berbeda.

Rujukan undang-undang ⁴ yang utama berhubung *Sulh* di wilayah-wilayah persekutuan termaktub dalam akta tatacara mal Mahkamah s⁴yariah (wilayah-wilayah persekutuan) 1998 (selepas ini dirujuk sebagai “Akta 585”), Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) (Wilayah-Wilayah persekutuan) 2004 dan Arahan-arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang diwartakan dari semasa kesemasa, di samping Manual Kerja *Sulh* yang turut diwujudkan bagi mempermudah pentadbiran proses *Sulh* di Malaysia.⁵

Penganjuran *Sulh* dalam penyelesaian pertikaian berhubung kes mal amat dititik berat sehingga termaktub dalam Arahan Amalan JKSM No. 1/2001 berhubung Kod Etika Hakim Syarie yang antara lain menyatakan bahwa antara etika hakim semasa dalam mahkamah adalah menggalakkan *Sulh* di mana-mana peringkat sebelum penghakiman diberikan. Ianya juga adalah selaras dengan perincian seksyen 99 Akta 585 yang menyebut, pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan *Sulh* bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut hukum syarak.

⁴Ibid, hlm. 33.

11

⁵Adzidah Yaakob, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, Mustafa ‘Afifi Ab Halim, *Pengenalan dan Keberkesanannya Sulh di Mahkamah Sayriah*, 2016 (Universiti Sains Islam Malaysia), Negeri Sembilan, hlm. 33.

7

Ini menunjukkan bahwa *Sulh* boleh dilaksanakan mana-mana peringkat perbicaraan ⁸ belum penetapan tarikh perbicaraan bagi sesuatu kasus seperti tersebut dalam Kaedah 3 (b) Kaedah-kaedah Tatacara Mal ⁹ (*Sulh*) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2004 ataupun semasa kasus sedang dibicarakan mengikut mana-mana kaedah yang ditetapkan atau menurut hukum syarak dalam ketiadaan kaedah tersebut. Kaedah-kaedah tersebut telah dirangka sebagai panduan dalam pengendalian prosedur *Sulh* oleh jawatankuasa Mahkamah Syariah.

Ruang Lingkup *Sulh*

Sejak awal lagi Islam telah melatakan asas yang paling kukuh untuk di amalkan dalam menyelesaikan apa saja persengketaan. Rasulullah SAW juga sangat menganjurkan umatnya agar mencari perdamaian dan menghindari persengketaan sesama sendiri. Seperti yang diketahui *Sulh* ini terbahagi kepada beberapa macam antaranya ialah perdamaian antara suami dan isteri dalam sebuah keluarga. Maksud daripada perdamaian diantara suami isteri ini adalah dengan membuat aturan-aturan mengenai pembahagian nafkah, masalah durhaka, masalah *hadhanah*, serta dalam masalah pembahagian haknya sehingga menyebabkan terjadinya persengketaan.⁶

Mahkamah Syariah di Malaysia secara dasarnya mempunyai bidang kuasa mendengar, membicarakan dan memutuskan tiga kategori kasus iaitu kes mal, jenayah dan *faraid* dan merangkumi semua aspek kekeluargaan Islam. Majelis *Sulh* pula mempunyai bidang kuasa dalam pendegaran kes yang melibatkan gugatanyang timbul dalam tempoh perkahwinan berlangsung dan tuntutan yang tercetus pasca perceraian.⁷ Misalnya, gugatan karena melanggar janji untuk berkahwin dan pertunangan dan juga mengenai gugatan-gugatan konsekuensi dari suatu perceraian misalnya muta'ah, nafkah Iddah,nafkah tertunggak , harta sepencarian, hutang mahar, nafkah anak dan mengubah perintah hak jagaan anak. Majelis *Sulh*mempunyai kewenangan untuk menyelesaikan

⁶ Mustika binti muda, *Skripsi Peran Majelis Sulh Dalam Menyelesaikan Sengketan Keluarga di Mahkamah Syariah* 2014, hlm. 33.

⁷ Adzidah Yaakob, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, Mustafa ‘Afifi Ab Halim, *Pengenalan dan Keberkesanannya Sulh di Mahkamah Syariah*, 2016 (Universiti Sains Islam Malaysia), Negeri Sembilan, hlm. 34-35.

12

perkara mengenai gugatan terhadap *hadhanah* dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut selama perkahwinan maupun setelah perceraian.⁸

Profil, Struktur dan Organisasi Jabatan Kehakiman Syariah serta Majelis *Sulhdi* Tawau, Sabah.

Tanggal 23 Desember 1977 merupakan peristiwa penting dalam pengembangan hukum Islam di Sabah. Manakala Dewan Legislatif provinsi Sabah mengesahkan undang-undang hukum Islam yang disahkan oleh gubernur provinsi Sabah yang memberikan izin untuk mendirikan Pengadilan Syari'ah.⁹

Untuk pertama kalinya dalam sejarah, dimana Pengadilan Syari'ah mulai beroperasi di Sabah sejalan dengan pengangkatan *qadhi-qadhi* pengadilan pada tanggal 1 Februari 1978. Dengan kewenangan yang diberikan oleh undang-undang tersebut, yang dipertua provinsi Sabah telah menunjuk Datuk Ahmad bin Idris sebagai *qadhi* pertama dari provinsi Sabah dan *qadhi* untuk kabupaten yang ditunjuk. Terdapat lima cabang Mahkamah Syariah di seluruh Sabah yaitu di Pantai Barat Kota Kinabalu, Pedalaman, Kudat, Sandakan dan Tawau.

Pada mulanya, struktur organisasi Pengadilan Syari'ah terdiri dari tiga tingkatan yaitu Mahkamah *Qadhi*, Mahkamah Tinggi *Qadhi* dan Mahkamah Rayuan Syariah. Pengadilan *qadhi* dan Pengadilan *qadhi* besar kekuasaan pada saat Pengadilan mulai berbicara dengan bidangnya masing-masing. Pengadilan Rayuan Syari'ah bertanggung jawab untuk mendengarkan dan memutuskan perkara pengajuan Rayuan dari Pengadilan *Qdhi* atau Pengadilan Agung *Qadhi*.

Struktur organisasi Pengadilan Syariah kemudian memperbarui undang-undang yang berlaku pada tahun 1981 dengan tetap mempertahankan tiga tingkat pengadilan yaitu Mahkamah *Qadhi*,

10

⁸Ibrahim Lembut. *Amalan Arahann No. 1 Tahun 2010. Penentuan Kasus Yang Perlu Dirujuk ke Majelis Sulh Pada Peringkat Pendaftaran Kasus*. Jabatan kehakiman syariah Malaysia. 29 November 2017, hlm. 3-4.

⁹<http://sabah.jksm.gov.my/latarbelakang-penubuhan/>. Pada tanggal 18 Januari 2018

Mahkamah Tinggi *Qadhi* dan Mahkamah Rayuan Syariah. Amandemen tersebut menghapuskan Pengadilan *Qadhi* Besar dan membuat Pengadilan *Qadhi* Bahagian. Ini berarti bahwa Pengadilan *qadhi* bahagian telah mengambil alih tugas yang sebelumnya diberikan ke Pengadilan *qadhi* besar. *Qadhi* besar diangkat sebagai ketua Mahkamah tingkat I di Pengadilan Syari'ah Sabah. *Qadhi* besar hanya menerima kasus banding dengan dua anggota *qadhi* pembantu.

Struktur Organisasi Mahkamah Syariah telah berubah sekali lagi pada tahun 1992 yaitu:

- a. Mahkamah Rendah Syariah,
- b. Mahkamah Tinggi Syariah
- c. Mahkamah Rayuan Syariah.

Beroperasi pada 1 Desember 1995, Jabatan Kehakiman Syari'ah Negeri Sabah (JKSNS) yang didirikan oleh kepala Hakim Syar'i. begitu juga Mahkamah Syariah Tawau yang didirikan pada bulan Februari tahun 2000. Anggota yang berada di Mahkamah Tinggi Syariah Tawau yang dipimpin oleh hakim ketua Tuan Ahadin bin Arinen, hakim anggota Kassim bin Sauji, Marhainah binti Asri, Mohd.Rizan bin Salikin. Selanjutnya, anggota di Mahkamah Rendah adalah hakim Fairul bin Mat Sulaiman, Nooryasmensharini binti Abas sebagai pegawai *Sulh* yang hanya satu di Pengadilan Syari'ah Tawau. Sehingga tahun 2015, pegawai *Sulh* masih Puan Nooryasmensharini binti Abas.

Petugas lainnya adalah, Khalid bin Suahid, Dayang Mazrina binti Mohd Arifend, Rohani binti Suarni, Rahmat bin Dahlan, Mohd Azwan bin Ajibah, Dahliah binti Dahlan. Rositah binti Najarin, Norfaizah binti Siteng @Ting, Darman bin Santing, Saning bin Madin, Jianal Abdin bin Abbas dan yang terakhir adalah Mohd Jones bin Lakim. Majelis *Sulh* di Pengadilan Syari'ah Tawau mulai beroperasi atau mulai dibangun pada Oktober 2010.¹⁰

Dasar Hukum dan Kewenangan Majelis *Sulh* di Mahkamah Syariah di Sabah.

¹⁰ Hasil wawancara dengan Puan Yasmensharini binti Abas, Pegawai *Sulh* Mahkamah Syariah Tawau, pada tanggal 21 September 2017, di Tawau Sabah.

Di dalam Arahan Amalan No.1 2010, penentuan perkara *Sulh* yang boleh diselesaikan oleh Majelis *Sulh* adalah kasus yang melibatkan gugatan karena melanggar janji dalam perkawinan, pertunangan dan juga tentang gugatan-gugatan konsekuensi dari suatu perceraian misalnya mut'ah, nafkah iddah, nafkah tertangguh, harta bersama, maharyang tertangguh dan nafkah anak. Majelis *Sulh* ini juga mempunyai kewenangan untuk menyelesaikan hak *hadhanah* dengan melihat kepentingan anak-anak selama pernikahan maupun setelah perceraian.¹¹

Pelaksanaan Majelis *Sulh* di Mahkamah Syariah Sabah adalah berdasarkan kepada Pasal 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004.¹² Sabah tidak mempunyai peraturan yang khusus yang berhubungan dengan *Sulh* pada mulanya, karena perlaksanaan *Sulh* di Sabah, pada tahun 2010 baru diberlakukan. Undang-undang atau peruntukan di sabah masih dalam dalam permohonan.

Oleh karena provinsi Sabah masih tidak mempunyai undang-undang yang khusus mengenai pelaksanaan *Sulh*, maka pegawai di Majelis *Sulh* telah mengarahkan kepada Undang-undang yang telah dilaksanakan di provinsi Selangor. Undang-undang yang dijadikan sebagai pedoman oleh pegawai majelis untuk melaksanakan *Sulh* antara lain adalah :

1. Manual Kerja *Sulh* Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia
JKSM (Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia)
8
2. Arahan Amalan No.1 Tahun 2010 mengenai penetapan kasus yang perlu di rujuk ke Majelis *Sulh* pada peringkat pendaftaran kasus.
3
3. **Kaedah-kaedah Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001.**
4. Amalan No. 3 Tahun 2002 Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia.
5. Arahan Amalan No.8 Tahun 2003, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

10

¹¹Ibrahim Lembut, Arahan Amalan No.1 Tahun 2010, Penentuan Kasus Yang Perlu Dirujuk Ke Majelis *Sulh* Pada Peringkat Pendaftaran Kasus,Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia, 28 Julai 2020, hlm. **8**.

¹² Enakmen 10 Tahun 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah.

Prosedur Pelaksanaan *Sulh* di Mahkamah Syari'ah Sabah

Pegawai *Sulh* harus melaksanakan di⁶ mematuhi prosedur *Sulh* seperti yang telah termuat di dalam aturan Kerja *Sulh* JKSM (Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia) dan Pekeliling Ketua Hakim (Kod Etika Pegawai *Sulh* dan Manual Kerja *Sulh*), Pekeliling Ketua Hakim [Bidangkuasa Pegawai *Sulh* (Hakim)], Arahan Amalan JKSM⁶ (Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia) (Jabatan Kemajuan Syari'ah Malaysia) 3/2002 (Pemakaian *Sulh*), Arahan Amalan JKSM (Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia)⁷ (Cara menyimpan dan Melupuskan Catatan Pegawai *Sulh*) dan Arahan Amalan JKSM (Jabatan Kehakiman Syari'ah Malaysia) 8/2002 (Prosedur Penyerahan Notis (surat pemanggilan) *Sulh*). Prosedur *Sulhd* dimulai dari pendaftaran sampai selesai kasus tersebut di Mahkamah.¹³ Adapun selengkapnya prosedur-prosedur tersebut adalah:

1. Pendaftaran kasus di Mahkamah.

Menerima notis pemberitahuan kehadiran Majelis *Sulh* dari pembantu panitera atau kasus-kasus yang dalam prosiding tetapi dirujuk kepada Majelis *Sulh* atas arahan Hakim. Membuka berkas *Sulh* dan mendaftarkan kasus *Sulh* di dalam catatan daftar *Sulh*. Menyerahkan berkas *Sulh* kepada pegawai *Sulh*. Menjalani sesi majelis *Sulhd* dengan kehadiran pihak-pihak secara bersendirian. Dalam hal ini, prosedur di dalam pendaftaran kasus di Mahkamah diikuti seperti biasa.¹⁴ Kedudukan proses *Sulh* ini sebenarnya mengambil sebagian daripada kedudukan proses pra perbicaraan dan perbicaraan seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang.¹⁵

2. Panitera menilai kasus bicara atau kasus *Sulh*.

Panitera perlu memainkan peranya yang begitu penting di Mahkamah. Seorang panitera akan menentukan proses perjalanan kasus dan memilih kasus-kasus yang di rasakan boleh dirujuk kepada

8

¹³[https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/ 2008/07/Sulh-di-mahkamah-syariah.pdf](https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/07/Sulh-di-mahkamah-syariah.pdf), Pada tanggal 15 Januari 2018.

¹⁴ Seksyen 42 dan Seksyen 43 EPPIS89, Seksyen-seksyen 2(1)4, 45 EUKIS84 serta Arahan Amalan 4, Tahun 2000 JKSM dan pekeliling Ketua Hakim MSS 4/2000.

¹⁵ Hal ini mengambil kira dari 5 proses asas perjalanan kasus Mal seperti yang ditetapkan di dalam undang-undang yaitu penentuan bidangkuasa, proses pendaftaran, prosedur pra perbicaraan, prosedur perbicaraan dan prosedur selepas perbicaraan.

3

Majelis *Sulh* atau dibawa terus ke Mahkamah untuk persidangan. Panitera bertanggungjawab dalam menentukan sesuatu gugatan atau permohonan itu boleh melalui kaedah *Sulh* atau tidak.

Gugatan atau permohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah *Sulh* boleh diklasifikasikan kepada dua yaitu pertama, gugatan atau permohonan menurut enakmen Undang-undang Keluarga Islam kedua, tuntutan ataupermohonan selain yang melibatkan Undang-undang Keluarga Islam yang diperuntukkan dalam bidangkuasa asal Mal Mahkamah Syari'ah. Tuntutan ³ atau permohonan menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang boleh diselesaikan melalui kaedah *Sulh* ini adalah :

- a) Gugatan karena melanggar janji untuk berkahwin / pertunangan.
 - b) Gugatan berbangkit dari suatu perceraian seperti muta'ah, nafkah, iddah dan juga hal-hal yang difikirkan munasabah
 - c) Gugatan hak jagaan anak (*Hadhanah*) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas penceraian.
 - d) Tuntutan nafkah anak
 - e) Permohonan pelaksanaan perintah mahkamah
3. Setelah kasus *Sulh* dikenal pasti, notis (pemberitahuan) *Sulh* dikeluarkan.

Setelah panitera mengetahui jenis kasus-kasus *Sulhyang* boleh diselesaikan melalui Majelis *Sulh* melalui peruntukan Kaedah 3 Tatacara Mal (*Sulh*) Selangor 2001 menyatakan bahwa panitera haruslah mematuhi segala prosedur yang telah ditetapkan yaitu :

- a. Tidak menyatakan tanggal bicara dalam tiga bulan dari tanggal
- b. Menetapkantanggal*Sulh*.
- c. Mengeluarkan notis bagi kehadiran pihak-pihak ke Majelis *Sulh*

4. Kehadiran pihak-pihak ke Majelis *Sulh*.

Majelis *Sulh* dilaksanakan di dalam Majelis yang khusus dan ruangan yang khusus dengan kehadiran pihak-pihak dan pegawai *Sulh*

sahaja. Di dalam Majelis *Sulh* ini adalah warga umum tidak dibenarkan untuk menghadirkan diri ke majelis tersebut karena dikhawatirkan akan menganggu emosional pihak yang bersengketa.

5. Keputusan Majelis *Sulh* sama ada berjaya atau gagal.¹⁶

Setelah selesai Majelis *Sulh*, putusan *Sulh* ditetapkan sama ada ianya adalah penyelesaian gugatan atau perlu dibawa kepada perbicaraan. Walau bagaimanapun, berjaya atau tidak bukanlah ukuran utama bagi *Sulh* ini, tetapi ianya kembali kepada matlamat Majelis *Sulh* yaitu mewujudkan satu proses yang adil bagi kedua-dua pihak.

Maka keadaan berikut merupakan tindakan kepada penyelesaian Majelis *Sulh* :

12

- i) Bagi Majelis *Sulh* yang berhasil persetujuannya baik sebahagian atau keseluruhannya akan dibawa ke hadapan Hakim untuk dijadikan sebagai Perintah Mahkamah. Segala persetujuan yang dicapai hendaklah dibuat dalam bentuk *Draf Persetujuan* “*Draf Perjanjian Penyelesaian* Diluluskan/Diluluskan dengan Pindaan”. Memastikan perjanjian penyelesaian tidak bertentangan dengan hukum syara’ dan Undang-undang berkaitan serta ditandatangani oleh pihak-pihak di hadapan panitera di dalam Majelis *Sulh* dan akan dibawa kepada Hakim untuk dicatatkan sebagai Perintah Mahkamah. Seterusnya mencatat status kasus dalam catatan *Sulh*.
- ii) Bagi Majelis *Sulh* yang tidak berhasil, baik keseluruhannya atau sebagiannya, ia akan dibawa kepada proses sebutan atau perbicaraan sebelum keputusan dan perintah dibuat oleh Hakim Bicara. Satu laporan akan dikeluarkan kepada Mahkamah untuk tindakan selanjutnya yaitu proses sebutan dan perbicaraan seperti proses kasus-kasus bukan *Sulh* yang lain dan simpan serangkap dalam berkas *Sulh*. Seterusnya mencatatkan status kasus dalam catatan daftar *Sulh*.

¹⁶JKNSNS-PKU 10, Sabah, hlm 2.

***Sulh* dalam Kasus *Hadhanah* di Mahkamah Syariah Sabah Kasus yang berhasil⁴**

Sulh telah dilaksanakan dalam masyarakat Islam Malaysia dalam beberapa kasus pertikaian mereka. Kajian penulis menemukan fakta bahwa banyak kasus gugatannya telah dibawa ke mahkamah diputuskan dengan cara *Sulh* atau kesepakatan bersama.¹⁷ Dibahagian ini penulis akan menjelaskan beberapa kasus yang berhasil dilaksanakan sebagai bukti serta contoh pelaksanaan *Sulhd* Mahkamah Syariah Tawau Sabah.

- a) Kasus antara Roslina Binti Roslie sebagai Penggugat dengan Voo Min Fah / Mohd Firdaus Abdullah sebagai Tergugat.¹⁸

Di dalam kasus ini, putusan mahkamah telah mengeluarkan Perintah. Setelah Mahkamah mendengar keterangan dan pengesahan pihak-pihak ke atas perjanjian penyelesaian yang ditandatangani di hadapan pegawai *Sulh*, Puan Nooryasmensharini binti Abas pada 2 Mei 2017, maka atas persetujuan bersama Penggugat dan Tergugat dengan ini mahkamah perintahkan seperti berikut:

1. Bahwa anak penjagaan terhadap Nurazleya Voo binti Voo Min Fah (selepas ini disebut sebagai anak tersebut) diberikan kepada Penggugat selaku ibu kandung tanpa menjaskannya hak syarie Tergugat selaku ayah kandung. Hak penjagaan ini adalah tamat setelah anak tersebut mencapai umur sembilan (9) tahun melainkan dilanjutkan oleh mahkamah.
2. Apa-apa perlanjutan tempoh hak penjagaan *hadhanah* haruslah di buat melalui satu permohonan di mahkamah seperti yang terkandung di dalam Seksyen 85, Enakmen Undang-undang Islam Provinsi Sabah 2004. Penggugat dan Tergugat hendaklah mematuhi tema-tema yang terkandung dalam perintah ini sekiranya pada bila-bila masa berlaku perlanggaran terhadap mana-mana tindakan Undang-undang terhadap pihak yang melanggar perintah ini akan dikenakan hukuman.

¹⁷ Hasil wawancara dengan Tuan Kassim bin Sauji@Hassan, Panitera Mahkamah Syariah Tawau, pada tanggal 20 September 2017, di Tawau Sabah.

¹⁸ Kasus Mal bil. 0306 (12400-028) Tahun 2017, Mahkamah Tinggi Syariah Tawau.

3. Perjanjian perse⁴juan ini di buat oleh Penggugat dan Tergugat. Mereka juga berjanji untuk mematuhi terma-terma yang terkandung dalam perjanjian ini dan sekiranya pada bila-bila masa berlaku perlanggaran terhadap mana-mana perjanjian ini pihak yang satu lagi berhak mengambil mana-mana tindakan Undang-undang terhadap pihak melanggari perjanjian.

Kasus Yang Tidak Berhasil.

Berikut ini adalah beberapa kasus yang tidak berhasil dalam pelaksanaan *Suhu* di Tawau, Sabah.

- a) Kasus antara Irwan Lukas / Mohd Fakrul Nizam Abdullah sebagai Penggugat dengan Nurul Ain binti Aziz sebagai Tergugat.¹⁹

Berdasarkan kasus ini, sebelum Tergugat dan Penggugat bernikah, Penggugat adalah seorang muallaf. Hasil daripada pernikahan tersebut mereka dikurniakan dua anak yaitu, Nur Alya Adriana Bathrishah binti Irwan dan Muhammad Daniel Asyraf bin Irwan. Setelah hakim merujuk kepada Undang-undang dan hukum syarak.

Bahwasanya kasus Tuntutan Hak Penjagaan Anak (*hadhanah*) oleh Penggugat terhadap Tergugat dalam tindakan diatas telah didengar dihadapan Yang Arif Ahadin bin Arinen Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Tawau Sabah.

1. Hak penjagaan ini terpakai kepada anak yang bernama Nur Alya Adriana binti Irwan dan Muhammad Daniel Asyraf bin Irwan. Hak penjagaan bagi anak-anak tersebut diberikan kepada Tergugat, manakala Penggugat diberikan hak untuk melawat dan bermalam.
2. Bahwa Penggugat diberikan hak untuk melawat sahaja kepada anak yang bernama Nur Alya Adriana binti Irwan pada bila-bila masa yang munasabah dan sesuai dengan keadaan Tergugat. Tergugat atau keluarga hendaklah berada bersama anak tersebut semasa Penggugat melawat anak tersebut.
3. Manakala anak yang bernama Muhammad Daniel Asyraf bin

¹⁹Kasus Mal bil. 0541 (12400-028) Tahun 2015, Mahkamah Tinggi Syariah Tawau

Irwan, Penggugat adalah diberikan hak untuk melawat dan bermalam pada setiap hujung minggu untuk setiap bulan. Tergugat hendaklah menghantar anak tersebut kepada Penggugat pada hari Jumat, manakala Penggugat pula hendaklah menghantar semula anak tersebut kepada Tergugat pada hari minggu.

4. Bawa, penjagaan anak tersebut pada musim lebaran adalah seperti berikut:
 - (i) Bagi musim lebaran Aidiladha tahun 2016 dan lebaran Aidilfitri 2016, anak tersebut hendaklah berada dibawah jagaan Penggugat selama satu minggu.
 - (ii) Bagi musim lebaran aidiladha tahun 2017, anak tersebut hendaklah berada dibawah jagaan Tergugat.

Teknik yang digunakan Majelis *Sulh* dalam menyelesaikan hak *hadhanah*.

Sebelum memulai teknik yang sesuai digunakan oleh Pegawai *Sulh* untuk menyelesaikan sesuatu persoalan, haruslah mengikuti langkah-langkah seperti memulakan presentasi awal pihak bertikai dengan membaca surah al-Fatihah dan doa. Memperkenalkan diri kepada pihak-pihak dan sesi perkenalan dengan pihak-pihak.²⁰ Seterusnya menggunakan peta konflik sebagai salah satu cara mengenalpasti jenis pertikaian, puncak masalah dan memberi solusi penyelesaian kepada pihak-pihak. Puncak masalah yang telah dikenalpasti dan solusi penyelesaian dicatatkan dalam catatan pegawai *Sulh* dan difaiklan.

Menilai pertikaian berdasarkan catatan pegawai *Sulh*. Sekiranya pihak-pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan pertikaian mereka sepenuhnya, maka perjanjian penyelesaian hendaklah disediakan. Sekiranya pihak-pihak secara sukarela bersetuju menyelesaikan sebahagian sahaja pertikaian, atas budi bicara Pegawai *Sulh* untuk mengadakan *Private Caukus* (pertemuan sebelah pihak bersama dengan Pegawai *Sulh*) atau proses *Sulh* dianggap gagal.

²⁰Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (JKNS), *Prosedur Kerja Sulh*, hlm. 4.

1

Penggugat atau pemohon hendaklah di panggil terlebih dahulu diikuti oleh Tergugat. Pegawai *Sulh* hendaklah berusaha menyelesaikan masalah dengan menggunakan berbagai teknik/ etika seperti:²¹

- a) Mempunyai ruanganya yang khusus untuk perundingan.
- b) Mengenalpasti masalah tanpa meletakkan kesalahan pada masing-masing pihak.
- c) Perundingan bersama bagi mendapatkan pandangan dan solusi daripada pihak-pihak.
- d) Melakukan saranan yaitu mengumpul semua kaedah penyelesaian.
- e) Menggalakkan pihak-pihak berusaha menjana ide mereka sendiri.
- f) Mengundang pihak-pihak untuk berbicang dalam sesi perundingan secara langsung bagi mencapai penyelesaian secara damai dan sukarela. Sekiranya perundingan bersama pada pertemuan pertama belum mendatangkan hasil, tetapi pegawai *Sulh* yakin penyelesaian masih boleh di capai, maka *private caucus* diadakan.
- g) Mencatat segala keterangan daripada pihak-pihak dalam setiap pertemuan Majelis *Sulh* dalam catatan Pegawai *Sulh*.

Efektifiti¹⁰ Pelaksanaan *Sulh* di Mahkamah Syari'ah Sabah.

Secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep *Sulh* telah menunjukkan hasil yang positif. Dalam menyelesaikan kasus *Sulh*, pegawai di Majelis *Sulh* memainkan peran yang amat penting. Segala kebijakan pegawai *Sulh* dalam mendamaikan persengketaan yang berlaku, akan memberikan hak yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang bertikai. Walaupun kaedah *Sulh* telah dilaksanakan, namun tidak berarti semua kasus-kasus tersebut berhasil untuk di damaikan.

Pada tahun 2011 sehingga 2015, telah dicatatkan sebanyak 294 kasus *hadhanah* telah didaftarkan. Berdasarkan kepada statistik yang penulis dapat daripada pegawai *Sulh* Majelis *Sulh* Mahkamah Syari'ah

²¹Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah (JKNS), *Prosedur Kerja Sulh*, hlm. 5-6.

Tawau, sebanyak 294 kasus *hadhanah* yang didaftarkan ke Mahkamah syari'ah Tawau bermula dari tahun 2011 sehingga 2015. Daripada bilangan kasus yang didaftarkan tersebut, pihak Majelis *Sulh* berhasil menyelesaikan sebanyak 288 kasus *hadhanah*.²² Majelis *Sulh* akan dianggap gagal apabila salah satu pihak yang bersengketa tidak hadir ke majelis ini bagi menyelesaikan sengketa ini dan dianggap satu penghinaan kepada Mahkamah.

Dari hasil kajian penulis, kasus yang tertinggi yang didaftarkan ke mahkamah syari'ah adalah kasus hak penjagaan anak atau *hadhanah*. Sehubungan dengan itu pegawai *Sulh* haruslah memperbaiki kualitas dan meningkatkan langkah kerja agar lebih efektif agar mampu mengurangi kasus-kasus di mahkamah syari'ah. Prosedur *Sulh* meskipun dilihat memberikan dampak yang positif dan konstruktif terhadap pengendalian kasus-kasus kekeluargaan Islam, namun harus diteliti mengenai beberapa aspek berkaitan pengendaliannya untuk menghasilkan suatu natijah *Sulh* yang tidak hanya memberikan solusi perdamaian bagi kedua belah pihak tetapi juga tidak bertentangan dengan hukum Islam.

Berikut adalah statistik keseluruhan kasus *Sulh* Tawau, Sabah (dari 2011 – 2015).

Bil	Tahun	Daftar	Selesai			Jumlah selesai	Dalam Prosiding
			Berjaya	Gagal	Tidak Hadir		
1.	2011	39	14	8	10	32	7
2.	2012	38	14	8	18	40	5
3.	2013	52	32	10	13	55	2
4	2014	91	62	7	19	88	5
5.	2015	74	44	8	21	73	6
Jumlah		294	166	41	81	288	-
			288				

²²Hasil wawancara dengan Puan Nooryasmin Abas, Pegawai *Sulh* Mahkamah Syariah Tawau, pada tanggal 21 September 2017, di Tawau Sabah.

Tabel : Statistik Keseluruhan Kasus *Sulh*.

Faktor utama kasus berhasil diselesaikan melalui kaedah *Sulh* banyak bergantung kepada sikap dan keterbukaan pihak-pihak yang terlibat di dalam Majelis *Sulh*. Berikut ialah di antara faktor-faktor tersebut :

- 1) Mendaftarkan kasus secara berurutan mengikut kepentingan atau prioriti. **5**
- 2) Kedua belah pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan gugatan di luar pengadilan.
- 3) Kedua-dua pihak sedia memberi dan menerima serta bersediaberunding secara ikhlas dan terbuka, bukannya secara emosi atau membala dendam.
- 4) Kedua-dua pihak sedar bahwa penyelesaian adalah bagi kepentingan-kepentingan di masa hadapan.
- 5) Kedua-dua pihak sedar pro dandkontra jika kasus dibawa kepada perbicaraan.

Kaedah *Sulh* ini juga menarik perhatian masyarakat berdasarkan kepada keunikannya yaitu kaedah ini menjanjikan penyelesaian pertikaian secara konsep situasi sama-sama menang (“*win-win situation*”) di antara pihak bertikai. Kaedah *Sulh* juga mengutamakan sisi kerahasiaan kedua belah pihak di mana ianya tidak akan di dapat jikalau pertikaian dibicarakan di Mahkamah. Di antara faktor utama kegagalan penyelesaian melalui kaedah *Sulh* antaranya ialah :

- 1) Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada upaya untuk membuat keputusan apapun. Pihak-pihak juga kurang bertoleransi. **5**
- 2) Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada komitmen yang kuat untuk menyelesaikan pertikaian seperti kerap kali tidak hadir di Majelis *Sulh*.
- 3) Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada persediaan sewajarnya.
- 4) Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada maklumat untuk membuat keputusan.
- 5) Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak dipengaruhi oleh pihak ketiga yang terlalu bersikeras untuk mengadakan perdamaian.

Kasus-kasus rumit yang tidak dapat diselesaikan di antara kedua belah pihak juga mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk

dibicarakan di Mahkamah seperti kasus melibatkan banyak individu dan ahli keluarga. Dalam perkara ini, Hakim juga bisa membuat keputusan melalui perbicaraan sama ada Tergugat hadir atau tidak yang penting pemberitahuan sudah di sampaikan kepada para pihak tujuh hari selewatnya.²³Kegagalan kaedah *Sulh* ini akan mengakibatkan kelewatan penyelesaian dan menambah bilangan kasus di Mahkamah yang semakin hari semakin bertambah.

Keberhasilansuatu Majelis*Sulh* banyak dilatarbelakangi oleh faktor pihak bertikai.Oleh itu, setiap pihak hendaklah serius dan bersungguh-sungguh untuk mencari penyelesaian. Pihak bertikai ini hendaklah sedar tentang konsep “sifat memberi sebelum menerima”, jujur dalam memberi keteranganyang lengkap dan benar, menghormati pihak lawan dalam sesi Majelis*Sulh*yang dilaksanakan, memahami apa yang didiskusikan dalam Majelis*Sulh* dan mampu menyatakan perasaannya. Setiap pihak juga hendaklah mampu menahan diri dari melakukan perkara-perkara yangtidak sesuai dan melampaui batas.

Tingkat Pemahaman Masyarakat Tawau tentang Majelis *Sulh* di Mahkamah Syari’ah Tawau, Sabah.

Para pegacara berperan dalam menekankan kerjasama masyarakat atau para pihak dalam menyelesaikan pertikaian dengan menggunakan pelayanan dari Majelis *Sulh* berbanding menyelesaikan pertikaian tersebut di Mahkamah Syari’ah untuk dibicarakan. Namun begitu, tidak diketahui tahap pengetahuan masyarakat tentang perlaksanaan dan peran Majelis *Sulh* yang sebenarnya.

Beberapa kasus yang dapat diselesaikan yang diketahui melaui media massa kebanyakannya sesuatu kasus di selesaikan dengan perbicaraan di Mahkamah. Tanpa pengetahuan masyarakat tentang Majelis *Sulh* maka mereka tidak dapat mengenali tentang peran dan tanggung jawab Majelis *Sulh* yang mana banyak memberikan faedah dan manfaat kepada pihak-pihak bertikai.

²³Hasil wawancara dengan Tuan Ahadin bin Arinen, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Tawau, pada tanggal 26September 2017, di Tawau Sabah.

Oleh yang demikian, satu kajian telah di lakukan di Sabah kecamatan Tawau untuk mengetahui tahap pengetahuan masyarakat Tawau tentang peran dan perlaksanaan Majelis *Sulh*yang terdapat di dalam sistem perundangan Islam.

a) Demografi Responden

Demografi bagi setiap responden bagi survei ini di ambil berdasarkan usia, status perkahwinan, status pekerjaan dan jenis kelamin. Tujuan survei demografi responden adalah untuk mengetahui latar belakang responden secara umum untuk membantu kajian ini di jalankan.

Bagi latar belakang mengikut umur responden sebanyak 47.62% dikalangan responden ada yang berumur 18 hingga 23 Tahun. 28.57% daripada jumlah responden adalah responden berusia 24 hingga 29. 11.9% adalah responden yang berusia 30 hingga 39 tahun manakalah 11.91% adalah merupakan responden berusia 40 hingga 49 tahun. Tidak ada responden yang berusia 50 tahun ke atas.

Bagi latar belakang yang mengikut jenis kelamin pula sebanyak 76.2% responden adalah di kalangan perempuan, 23.8% responden adalah laki-laki. Bagi latar belakang mengikut status perkahwinan pula, sebanyak 61.90% responden adalah belum berkahwin dan 38.10% daripada responden telah berkahwin. Tidak ada responden yang berstatus janda atau duda dalam kajian soal selidik ini.

Bagi status pekerjaan pula, di dalam survei ini telah dibagikan kepada pegawai kerajaan, pegawai swasta/kerja sendiri, tidak bekerja dan juga mahasiswa. Hasil kajian soal selidik ini mendapati bahwa sebanyak 16.7% responden pegawai kerajaan, 43.3% merupakan responden pegawai swasta/kerja sendiri dan 6.7% lainnya merupakan responden tidak bekerja dan 30.3% responden adalah mahasiswa.

b) Hasil Kajian

Terdapat 12 pertanyaan yang perlu dijawab oleh pihak responden bagi mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat terhadap Majelis *Sulh* dan kesemua pertanyaan adalah umum terhadap masyarakat terhadap pensyariatan *Sulh*, pelayanan*Sulh* dan juga manfaat daripada perkhidmatan *Sulh*. Mengenai Mahkamah Syariahmerupakan satu badan kehakiman yang memiliki kekuasaan dan bebas untuk menguruskan peradilan guna menegakkan undang-undang dan keadilan di dapat bahwa

38.10% daripada responden tahu secara umum mengenai Mahkamah Syari'ah ada pelayanan *Sulh*. 42.86% tidak pasti dengan perkara ini dan 19.04% tidak tahu.

Melalui kajian survei ini juga didapati bahwa 71.3% daripada pihak responden pernah mendengar atau mengetahui secara umum tentang Majelis *Sulhini* sama ada daripada koran, teman atau media sosial. Sebanyak 19.05% responden yang tidak pernah mengetahui tentang Majelis *Sulh* dan selebihnya 9.25% tidak pasti sama ada mereka mengetahui secara umum atau tidak tentang Majelis *Sulhini*.

Mengenai pengetahuan masyarakat tentang peran Majelis *Sulh*, didapati bahwa sebanyak 85.71% dari pihak responden mengetahui mengenai peran Majelis *Sulh* ini dan 14.29% tidak pasti tentang peran Majelis *Sulh* ini di dalam sistem perundangan Islam di Malaysia. Apabila di tanya mengenai jenis kasus yang ditangani oleh Majelis *Sulh*, kebanyakan responden mengetahui bahwa Majelis *Sulh* hanya menguruskan perkara berkaitan gugatan perkahwinan dan perceraian saja yakni sebanyak 42.86%. Jelas di sini bahwa responden mengetahui wewenang Majelis *Sulh* hanya menyelesaikan kasus berkaitan perkahwinan dan perceraian. Sedangkan Majelis *Sulh* berwenang juga dalam kasus-kasus yang lain seperti harta pusaka dan lain-lain.

Responden yang mengetahui tentang prosedur dan tatacara pelaksanaan Majelis *Sulh* di Mahkamah Syari'ah menurut Undang-undang hanya 43.33%. Terdapat juga soalan di dalam survei ini tentang pendedahan mengenai Majelis *Sulh* kepada masyarakat dan didapati bahwa banyak yang setuju pelayanan Majelis *Sulh* ini perlu disebarluaskan kepada masyarakat secara meluas tentang peran, perlaksanaan dan juga manfaat daripadanya.

Penutup

Sebagai kesimpulan dari karya ilmiah ini, maka penulis dapat menyimpulkan sebagai berikut :

1. Dari penelitian yang dilakukan penulis dapat menyimpulkan bahwa Peran Majelis *Sulh* juga adalah membantu dan membimbing pihak-pihak berkonflik untuk berbincang, berunding dan mencari persetujuan bersama untuk mencapai penyelesaian.

2. Majelis *Sulh* di Mahkamah Syari'ah ternyata sangat efektif dalam penyelesaian kasus hak *hadhanah* berdasarkan statistik yang dicatatkan dari tahun 2011 – 2015.
3. Majelis *Sulh* menetapkan tujuh teknik yang wajib diikuti dalam pelaksanaan *Sulh*, ternyata teknik ini berjaya menyelesaikan kasus yang di daftarkan.
4. Dari hasil penelitian melalui angket dan wawancara, peneliti dapat menyimpulkan bahwa masyarakat masih kurang informasi tentang Majelis *Sulh*. Melalui penyebaran angket dan wawancara, mayarotis masyarakat tidak tahu tentang Majelis *Sulh*.

Daftar Pustaka

- Abdur Rahman Ghazali, *Fikh Munakahat* (Jakarta : Kencana Prenada Media Group, 2010).
- Adzidah Yaakob, Mohamad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, Mustafa 'Afifi Ab Halim, *Pengenalan dan Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah*, (Malaysia : Percetakan Mesbah sdn. Bhd, cet 1. 2016).
- Ahmad Rofiq, *Hukum Islam di Indonesia*, cet. 6 (Jakarta : Raja Grafindo Persada, 2003).
- Akta Undang-undang Keluarga Islam* (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) (Malaysia: International Law Book Services, 2014).
- Amir Syarifuddin, *Hukum Perkahwinan Islam Di Indonesia, Antara Fiqh Munakahat dan Undang-Undang perkahwinan*, cet. 11 (Jakarta : Prenada Media, 2006).
- Boedi Abdullah, Beni Ahmad Saebani, *Perkahwinan dan Perceraian keluarga Muslim*, (Bandung : CV Pustaka Setia, 2013).
- Mahmud Yunus, *kamus Arab Indonesia* (Jakarta: Mahmud Yunus WaZuriyah, 2010).
- Mohd Fuad Mohd Salleh dan Jamilah Othman, *Peran Pegawai Sulh Dalam Menyelesaikan Konflik Dalam Mahkamah Syariah di Selangor* (Malaysia Januari 2007).
- Muhammad Nasiruddin al-Albani, *Shahih Sunan Abu Daud terj. Fachrazi* (Jakarta : Pustaka Azzam, 2006).

- Mustofa Al-Khin, Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, *Kitab Fiqh Mazhab Syafie*, Jilid 6.
- Muhammad bin Ismail al- Amir ash-Shan'ani, *Subulussalam asy-Syarh al-Bulughu al-Marami*, Jilid III, cet. 6, terj. Ali Nur Medan, Darwis (Jakarta Timur : Darus Sunnah Press, 2012).
- Nora Abdul Hak, *Suhdalam Hakam Dalam Penyelesaian Keluarga*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cet. Pertama 2007)
- Nurnaningsih Amriani, *Mediasi Alternatif Penyelesaian Sengketa Perdata di Pengadilan*, (Jakarta: PT Rajagrafindo Persada, cet. Ke 2, 2012)
- Najibah Mohd Zin, *Undang-undang Keluarga (Islam) (Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia*, Jilid 14, 2007.
- Raihanah Azahari, *Suhdalam Kes keluargaan Islam*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2008).
- Siti Noraini Binti Haji Mohd Ali dan Zulkifli Hasan, *Perlaksanaan Suhd dan Keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor*. Diakses pada 25 April 2017 dari situs: <https://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/07/suhd-di-mahkamah-syariah.pdf>
- Soerjono Soekanto, *Pengantar Penelitian Hukum*, (Jakarta cet. 2014. Universitas Indonesia).
- Sugiyono, *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif dan R&D*, Cet.21, (Bandung : 2014).
- Suzana Ghazali, *Buatmu Wanita : Sebagai Anak Isteri-Ketahui Hakmu*, Buku Prima Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan).
- Syahrizal Abbas, *Mediasi dalam Hukum Syariah, Hukum Adat dan Hukum Nasional*, (Indonesia: Kencana prenada Media Group, 2011).
- Wahbah Az-Zuhaili, *Fikih Islam Wa Adillatuhu* (Jaminan, Pengalihan Utang, Gadai Paksaan, Kepemilikan), Jilid 6 (Kuala Lumpur : Darul Fikir Kuala Lumpur, 2011).
- Wahbah az-Zuhaily, *Fiqh al-Imami asy-Syafi'I* terj. Muhammad Afifi Abdul Aziz, (Jakarta Timur : Al-Mahira, 2010).

Peran Majelis Sulh dalam Penyelesaian Hak Hadhanah Pasca Perceraian (Studi Kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia)

ORIGINALITY REPORT



PRIMARY SOURCES

1	www.ns.gov.my Internet Source	3%
2	Submitted to Syiah Kuala University Student Paper	3%
3	nihayahsaidah-skyjamil.blogspot.com Internet Source	2%
4	repository.uinjkt.ac.id Internet Source	2%
5	www.esyariah.gov.my Internet Source	2%
6	mjsl.usim.edu.my Internet Source	1 %
7	Submitted to Universiti Teknologi MARA Student Paper	1 %
8	repository.kampusmelayu.ac.id Internet Source	1 %
9	Submitted to Universiti Kebangsaan Malaysia Student Paper	1 %
10	ejournal.ukm.my Internet Source	1 %
11	www.coursehero.com Internet Source	1 %
12	inidiriaku.blogspot.com Internet Source	1 %

Exclude quotes Off

Exclude bibliography On

Exclude matches < 30 words